



# MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;  
MENCARI KEREDAAN  
ALLAH DENGAN  
BERWAKAF



ISLAMIC SALVAGEUR OBEEDIENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor



## "MENCARI KEREDAAN ALLAH DENGAN BERWAKAF".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَلِأَنْفُسِكُمْ وَمَا تُنْفِقُونَ إِلَّا أَبْتِغَاءَ وَجْهِ اللَّهِ... <sup>1</sup>	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	4
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	4
<b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</b>  Marilah kita tingkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita mendapat keredaan-Nya, di dunia dan akhirat.	5
Khutbah hari ini bertajuk, <b>"MENCARI KEREDAAN ALLAH DENGAN BERWAKAF."</b> <b>Hadirin yang dirahmati Allah,</b>	6

<sup>1</sup> al-Baqarah : 272



Wakaf merupakan sebahagian amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.	7
<p>Mereka yang berwakaf akan mendapat keredaan Allah sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 272 yang dibacakan diawal khutbah ini yang bermaksud:</p> <p><i>"Dan apa jua harta yang kamu infakkan (pada jalan Allah) maka (faedah dan pahalanya) adalah untuk diri kamu sendiri. Dan kamu pula tidaklah menginfakkan sesuatu melainkan kerana menuntut keredaan Allah SWT."</i></p>	8
<p>Institusi wakaf pada suatu ketika dahulu berfungsi dan berkembang sebagai salah satu faktor untuk membina tamadun. Peranannya sangat besar sehingga mampu menyediakan kemudahan infrastruktur yang menyeluruh meliputi kemudahan awam seperti dalam sektor pendidikan, kesihatan dan pelbagai bentuk kebajikan yang lain.</p> <p><b>Muslimin yang dirahmati Allah,</b></p>	9
<p>Kejayaan wakaf era moden dapat dilihat dengan tertegaknya empayar Turki Uthmaniah. Mereka bukan sahaja menjadikan wakaf sebagai salah satu ibadah, malah telah menjadikan satu budaya dalam kehidupan mereka. Wakaf dalam sektor pendidikan khususnya, dapat dilihat dengan terbinanya lebih dari 140 buah universiti yang dibina dari dana wakaf. Antara universiti terawal yang terbina dari dana wakaf adalah Universiti Al-Qarawiyyin di Maghribi diwakafkan pada tahun 856M, Universiti Al-Azhar, Mesir 930M dan Universiti Al-Fateh, Turki pada tahun 1470M. Kesemua universiti ini masih beroperasi dan melahirkan ilmuan setiap tahun.</p>	10



<p>Demikian juga wakaf dalam sektor kesihatan yang berkembang sejak kurun ke-9 Masihi. Ia telah berfungsi memberi rawatan percuma kepada masyarakat, antaranya di Mesir, Hospital Ibnu Tulun tahun 872M, diwakafkan sendiri oleh Sultan Ibnu Tulun, ia merupakan hospital wakaf pertama dalam dunia Islam. Antara lain, Hospital Al-Mansuri diwakafkan pada tahun 1284M, dan banyak lagi hospital wakaf seperti di Cordova dan Baghdad. Kesemua bentuk wakaf ini adalah dari sumber wakaf tunai bagi membina aset kekal yang manfaatnya dapat dinikmati oleh masyarakat umum generasi seterusnya.</p>	11
<p>Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke-5/2017 yang bersidang pada 17 Oktober 2017 telah memutuskan bahawa Harus melaksanakan wakaf tunai sebagai harta wakaf.</p> <p><b>Muslimin yang dirahmati Allah,</b></p>	12
<p>Alhamdulillah, pada tahun 2022, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) secara rasminya telah memasuki tahun yang ke-10 penubuhannya selepas diperkenankan oleh DYMM Tuanku Sultan Selangor. Berkat kerjasama dari semua pihak, nilai harta wakaf di Selangor terus meningkat. Berakhir pada tahun 2021, harta wakaf bernilai RM1.894 Bilion. Iaitu RM1.516 Bilion adalah nilai hartanah berkeluasan lebih dari 1655 ekar tanah. Manakala RM378 Juta adalah dalam bentuk wakaf tunai.</p>	13
<p>Wakaf tunai ini telah disalurkan semula menjadi aset kekal seperti pembinaan atau menaiktaraf masjid sebanyak 158 buah, surau sebanyak 195 buah, sekolah sebanyak 33 buah, maahad tahfiz serta alat keperluan kesihatan .</p>	14



Dalam tempoh 5 tahun yang mendatang, PWS telah merancang sebanyak 12 buah projek baru pembangunan tanah wakaf. Ia meliputi pembinaan masjid, stesen minyak dan perumahan yang menelan kos sebanyak RM 147 Juta. Di samping itu terdapat juga lebih dari 200 buah institusi yang sedang membuat kutipan wakaf khas yang dikawal selia kutipannya oleh PWS.

15

#### **Hadirin yang dimuliakan oleh Allah SWT .**

Ingatlah! Harta wakaf ini adalah milik Allah SWT selama-lamanya, apabila harta tersebut telah diwakafkan, maka hak pewakaf dari segi pemilikan telah terputus dan tidak boleh diambil semula. Maka menjadi tanggungjawab pentadbir harta wakaf untuk meneruskan jariah agar disalurkan kepada manfaat ummah. Bagi sesiapa yang tergamak berhasrat untuk mengambil semula harta wakaf tersebut hukumnya adalah haram, maka ia seperti tergolong dalam orang yang tamak serta sikap buruk seorang muslim.

16

Hadis daripada Umar Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda kepada Umar al-Khattab yang bermaksud:

*"Jika engkau suka, tahanlah (iaitu wakafilah) tanah itu, dan engkau sedekahkan manfaatnya. Maka Umar pun menyedekahkan manfaatnya dengan syarat tanah itu tidak akan dijual, tidak akan dihibahkan dan tidak akan diwariskan."*

17

*(Riwayat Muslim).*



Dalam kita sedang bercadang, berkira-kira atau berniat untuk berwakaf, ingatlah firman Allah SWT dalam surah Saba' ayat 39:

وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِّنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ وَ

18

“...dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya...”

Jangan khawatir, semakin banyak kita berwakaf, maka semakin banyak yang Allah akan gantikan, jangan kita takut dengan janji Allah. Sahabat Nabi SAW seperti Saidina Abu Bakar, menginfakkan seluruh hartanya, Saidina Uthman pula separuh dari hartanya. Jelas disini bahawa dengan keimanan dan keyakinan yang tinggi dalam kalangan para sahabat, mereka tidak berkira-kira untuk memberi sumbangan di jalan Allah. Nabi SAW sendiri dalam bulan Ramadhan khususnya menjadi orang yang paling dermawan,

19

sepagaimana disebut dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas Radiallahu'anhuma:

فَلَرَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَجْوَدُ بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ

21

“Maka Rasulullah SAW sangat pemurah dengan kebaikan, lebih pantas daripada angin yang bertiup.”

(Riwayat al-Bukhari).



### Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,

Dikesempatan ini, Pihak PWS ingin mengucapkan ribuan terima kasih diatas segala kerjasama dan sokongan para pewakaf selama ini. Hanya Allah SWT yang dapat membalas dan menerima amalan kita semua. Teruskanlah berwakaf dalam pelbagai bentuk yang diperkenalkan iaitu pindahan wang dalam talian (Online Transfer), potongan gaji bulanan serendah RM1, tabung-tabung wakaf tunai di masjid terpilih, premis-premis kerajaan (PBT), stesen minyak terpilih, kaunter Lembaga Zakat Selangor LZS serta ejen penerangan individu. Semoga lebih banyak manfaat dapat disebarluaskan. Setiap nilai dan bentuk wakaf yang diberikan, semua itu akan menjadi bekalan yang terbaik untuk kita di akhirat nanti .

22

### Muslimin sekalian,

Mengakhiri khutbah hari ini, suka khatib ingin berpesan buat diri ini dan hadirin jemaah sekalian:

1. Umat Islam hendaklah yakin akan janji Allah SWT, memberi pahala berterusan kepada pewakaf selagi wakafnya terus dimanfaatkan.
2. Umat Islam yang menginfakkan harta yang terbaik dan paling disayangi, akan mendapat penghargaan yang tinggi di sisi Allah SWT.
3. Teruskanlah berwakaf khususnya di penghujung bulan Ramadhan yang mulia ini, dengan harta yang ada, supaya dapat memberi manfaat kepada orang lain.

23

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ  
اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

24



*"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya."*

25

*(Surah Ali Imran : 92).*

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

26





## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَغْكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِّلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	17



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾</p>	<p>18</p>
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	<p>19</p>
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	<p>20</p>